Sesungguhnya hak Allah ke atas hamba-Nya adalah agar mereka menyembah-Nya dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun, dan hak hamba ke atas Allah adalah Dia tidak akan mengazab sesiapa yang tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun

Daripada Mu’az رضي الله عنه, beliau berkata: Aku membonceng di belakang Nabi ﷺ di atas seekor keldai yang bernama 'Ufair. Lalu baginda bersabda: “Wahai Mu'az, tahukah engkau hak Allah ke atas hamba-Nya, dan apa hak hamba ke atas Allah?” Aku menjawab: “Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui.” Baginda bersabda: “Sesungguhnya hak Allah ke atas hamba-Nya adalah agar mereka menyembah-Nya dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun, dan hak hamba ke atas Allah adalah Dia tidak akan mengazab sesiapa yang tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun” Lalu aku bertanya: “Wahai Rasulullah, bolehkah aku sampaikan berita gembira ini kepada orang ramai?” Baginda bersabda: “Jangan sampaikan kepada mereka, nanti mereka akan berserah sahaja.”

[صحيح] [متفق عليه]

Nabi ﷺ menjelaskan hak Allah ke atas hamba-hamba-Nya, dan hak hamba-hamba-Nya ke atas Allah, dan bahawa hak Allah ke atas hamba-hamba-Nya adalah menyembah-Nya semata-mata tanpa mensyirikkan-Nya, Dan bahawa hak hamba ke atas Allah adalah Dia tidak akan mengazab golongan muwahidin yang tidak menyekutukan-Nya dengan apa pun. Kemudian Mu'az berkata: “Wahai Rasulullah, bolehkah aku sampaikan berita gembira ini kepada orang ramai agar mereka dapat bergembira dan bersukacita dengan kurniaan ini?” Maka Nabi ﷺ melarangnya kerana khuatir mereka akan bergantung kepadanya.

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/65007